



|                       |   |
|-----------------------|---|
| SKIM PERKHIDMATAN     | : PENGAWAL KESELAMATAN                    |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN | : PELAKSANA                               |
| GRED                  | : KP11                                    |
| TARAF JAWATAN         | : KONTRAK ( <i>CONTRACT FOR SERVICE</i> ) |
| KEMENTERIAN / JABATAN | : MINI ZOO KUALA KRAI                     |

#### SYARAT LANTIKAN WAJIB

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 58 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

#### SYARAT LANTIKAN

##### KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KP11:

Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

##### ATAU

Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya ber pangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

##### DAN

- mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

#### DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisyiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).